

→ SUKAN

Kirthana, Norliyana rangkul emas lompat tinggi

Kuala Lumpur: Atlet lompat jauh negara, R Kirthana menepati ramalan dengan merangkul emas acara lompat jauh Kejohanan Olahraga Sukan Institusi Pendidikan Tinggi 2018 (SUKIPT 2018).

Kirthana yang mewakili Universiti Putra Malaysia (UPM) melakar lompatan emas sejauh 5.52 meter (m) manakala perak milik pelajar Universiti Malaysia Sabah, Ji Fedalliah Claritta Jaimin (5.34m) dan gangsa dimenangi Sonisa Sangthong dari Universiti Suratthani Rajabhat menerusi jarak sejauh 5.11m.

Namun, ia bukan acara kegemaran atlet kebangsaan itu yang sebelum ini lebih memberi fokus kepada lompat kijang.

Kirthana yang pernah beraksi di Kejohanan Remaja Dunia di Poland dua tahun lalu berkata, dia tidak beberapa berpuas hati dengan pencapaiannya semalam biarpun berjaya menyumbangkan emas kepada UPM.

“Penyertaan saya di SUKIPT dalam acara lompat jauh hanya menggantikan tempat rakan saya tapi sekurang-kurangnya saya cuba untuk memperbaiki kelemahan dari segi corak larian.

“Tapi saya tahu bahawa saya boleh buat lebih baik kerana sebelum ini pernah melakukan 5.96m,” katanya yang akan berlepas ke Jakarta, Jumaat ini untuk beraksi di Kejohanan Pra Sukan Asia.

Sementara itu, acara lompat tinggi wanita turut dikuasai atlet kebangsaan, Norliyana Kamaruddin dari UPM dengan catatan 1.65m manakala Chia Lee Mei dari Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman memenangi perak (1.55m) manakala Nurizah Abdullah (Politeknik Malaysia - 1.45m) membawa pulang gangsa.

Acara 5,000m lelaki dimenangi Teoh Kim Ling dari Politeknik Malaysia (PM) dengan catatan 20 minit 11.14s diikuti S Priyashankari (UPM) dan G Shantini (PM).

Dalam acara lontar peluru lelaki, emas dimenangi Muhammad Aidil Taufek (UPN-14.38m) diikuti R Meveeqhen (UTP-13.67m) dan Zulkifli Saidin (Kolej Komuniti Malaysia-13.43m).




R Kirthana,
Atlet lompat jauh negara

Penyertaan saya di SUKIPT dalam acara lompat jauh hanya menggantikan tempat rakan saya tapi sekurang-kurangnya saya cuba untuk memperbaiki kelemahan dari segi corak larian”